

KHATAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN KESIHATAN

Perkataan khatan berasal dari kalimah bahasa Arab iaitu – خَتَنَ – يَخْتُنُ – يَخْتُنْ – خَتَنْ¹ yang bererti bahagian hadapan kulit yang dipotong yang menutupi pangkal kemaluan lelaki manakala bagi wanita dikenali sebagai *al-Khafdh* (الْخَفْضُ).² Menurut Kamus Dewan, khatan ialah sunat (memotong kulup).³

Manakala khatan dari segi istilah terbahagi kepada dua kategori iaitu khatan lelaki dan khatan wanita. Khatan lelaki merupakan pangkal zakar setelah kulitnya dipotong manakala bagi wanita ialah gumpalan kulit yang terdapat di bahagian atas faraj seperti balung ayam jantan yang kemudiannya dipotong.³

Ulama telah bersepakat bahawa amalan khatan bagi lelaki atau *al-khafdh* bagi wanita adalah merupakan perkara syariat. Namun, ulama berselisih pendapat mengenai hukumnya sama ada ia wajib atau sunat. Dalil bahawa khatan adalah merupakan perkara syariat berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 123:

﴿١٢٣﴾ ثُمَّ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنِ اتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Bermaksud: “Kemudian Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad): Hendaklah engkau menurut ugama Nabi Ibrahim, yang berdiri teguh di atas jalan yang benar; dan tiadalah ia dari orang-orang musyrik.”

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 125:

﴿١٢٥﴾ وَمَنْ أَحْسَنْ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا
وَأَنْهَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا

Bermaksud: “Dan tidak ada yang lebih baik ugamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, dan ia pula mengikuti ugama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid); dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayanganNya.”

¹ Ibnu Manzur. t.t. *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif. m.s. 1102.

² _____ . 2019. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m.s. 782.

³ Al-Nawawiyy, Yahya bin Syarf. t.t. *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab li al-Syiraziyy*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad. jil. 2. m.s. 148.

Firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 95:

٩٥ قُلْ صَدَقَ اللَّهُ فَاتَّبِعُوا مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Benarlah (apa yang difirmankan oleh) Allah, maka ikutilah kamu akan ugama Nabi Ibrahim yang ikhlas (berdasarkan Tauhid), dan bukanlah ia dari orang-orang musyrik."

Ketiga-tiga ayat di atas merupakan seruan ke atas umat Nabi Muhammad SAW supaya mengikuti ajaran Nabi Ibrahim AS yang berpaksikan tauhid yang benar. Kalimah tauhid (الْتَّوْحِيدُ) adalah merujuk kepada agama yang menisahkan Allah SWT sebagai Tuhan Maha Esa dan selayaknya disembah. Ia juga merupakan agama yang lengkap dengan syariat serta bersifat *wasatiyyah* (وسطية) iaitu sederhana dan tidak mengabaikan perkara yang baik malah tidak berlebih-lebihan dalam sesuatu perkara. Antara perintah Allah SWT terhadap Nabi Ibrahim AS ialah sepetimana yang terkandung dalam surah al-Baqarah ayat 124:

﴿ وَإِذْ أَبْتَلَنِي إِبْرَاهِيمَ رَبِّهِ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا قَالَ وَمَنْ ذِرَّتِي قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ﴾ ١٢٤

Bermaksud: "Dan (ingatlah), ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhan dengan beberapa Kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (Setelah itu) Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (Pemimpin ikutan) bagi umat manusia". Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: "(Ya Tuhan!) Jadikanlah juga (apalah jua kiranya) dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan)". Allah berfirman: "(Permohonanmu diterima, tetapi) janjiku ini tidak akan didapat oleh orang-orang yang zalim.\"",

Ibnu 'Abbas RA menjelaskan bahawa yang dimaksudkan menerusi ayat di atas ialah perintah Allah kepada Nabi Ibrahim yang melibatkan beberapa perkara termasuklah amalan berkhatan.

Amalan berkhatan yang merupakan warisan dari amalan Nabi Ibrahim ini telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW menerusi sabda Baginda:

اختتن إبراهيم عليه السلام بعد ثمانين سنة واختتن بالقدوم

Bermaksud: "Nabi Ibrahim AS telah berkhatan sewaktu umur Baginda 80 tahun dengan menggunakan pemotong."

Riwayat al-Bukhari (6298)

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW telah menyatakan bahawa amalan berkhatan ini termasuk dalam perkara fitrah bagi manusia yang merupakan sebahagian dari tuntutan kebersihan. Sabda Baginda SAW:

الفطرة خمس أو خمس من الفطرة الختان والاستحداد وتنف الإبط وتقليم الأظافر وقص الشارب

Bermaksud: "Fitrah ada lima perkara atau lima perkara yang menjadi fitrah manusia iaitu berkhatan, memotong bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan memendekkan misai."

Riwayat al-Bukhari (5889)

Dalam mazhab Syafie, hukum berkhatan adalah wajib ke atas lelaki dan wanita. Hal ini telah ditegaskan oleh al-Imam Nawawi di dalam *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab li al-Syiraziyy*, jilid pertama, muka surat 349:

الختان واجب على الرجال والنساء عندنا وبه قال كثيرون من السلف، كما حكاه الخطابي، ومن أوجبه أحمد وقال مالك وأبو حنيفة: سنة في حق الجميع وحكاه الرافي وجهها لنا، وحكي وجهها ثالثاً أنه يجب على الرجل وسنة في المرأة، وهذا الوجهان شاذان، والمذهب الصحيح المشهور الذي نص عليه الشافعي رحمه الله وقطع به الجمهور أنه واجب على الرجل والنساء،

Bermaksud: "Amalan berkhatan adalah wajib ke atas lelaki dan wanita di sisi kami (mazhab Syafie) dan pandangan ini adalah dari kebanyakan golongan Salaf. Demikian juga yang diriwayatkannya oleh al-Khattabiyy (mazhab Syafie) dan dari kalangan yang mewajibkannya seperti al-Imam Ahmad. Telah berkata al-Imam Malik dan al-Imam Abu Hanifah: "Hukum berkhatan adalah sunat berdasarkan hak keseluruhan." Dan yang turut menghikayatkannya (pandangan ini) ialah al-Imam al-Rafi'iyy yang merupakan salah satu pandangan di sisi kami (mazhab Syafie). Terdapat pandangan ketiga yang menyatakan bahawa amalan berkhatan diwajibkan ke atas lelaki dan sunat hukumnya ke atas wanita. Pandangan ketiga ini adalah syaz (ganjil). Pandangan yang masyhur serta sahih ialah pandangan yang telah dinaskan oleh al-Imam al-Syafie rahimahullah dan telah dimuktamadkan oleh jumhur ulama bahawasanya ia (khatan) adalah wajib ke atas lelaki dan wanita."

Antara dalilnya ialah firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 123:

١٢٣ ثُمَّ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنِ اتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Bermaksud: "Kemudian Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad): Hendaklah engkau menurut ugama Nabi Ibrahim, yang berdiri teguh di atas jalan yang benar; dan tiadalah ia dari orang-orang musyrik."

Dalam ayat al-Quran di atas, perintah yang dimaksudkan ialah mengikuti segala perkara yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada Nabi Ibrahim AS yang menjadi asas syariat. Asas syariat ini merupakan perkara yang wajib diterima oleh setiap mukalaf dalam semua tindakan dan perbuatan melainkan sekiranya terdapat dalil yang menyatakan bahawa ia adalah sunat dan yang seumpamanya. Al-Imam al-Khattabi telah menaqalkan bahawa amalan fitrah merupakan antara yang diwajibkan ke atas Nabi Ibrahim AS.⁴

Sabda Rasulullah SAW:

اختن إبراهيم عليه السلام بعد ثمانين سنة واختن بالقدوم

Bermaksud: "Nabi Ibrahim AS telah berkhatan sewaktu umur Baginda 80 tahun dengan menggunakan pemotong."

Riwayat al-Bukhari (6298)

Dalam hadis yang lain menyatakan bahawa apabila bertemu dua kemaluan yang telah dikhatan maka ia menjadi sebab kepada mandi wajib ke atas lelaki dan wanita iaitu:

إذا التقى الختانان فقد وجب الغسل

Bermaksud: "Dan apabila bertemu dua khatan (kemaluan lelaki dan wanita, ertiannya hubungan kelamin) maka wajiblah mandi."

Riwayat Ibnu Majah (608)

Amalan berkhatan di kalangan wanita telah diamalkan di Madinah. Dalam sebuah hadis dinyatakan:

أَنْ امْرَأَةً كَانَتْ تَخْتَنَ بِالْمَدِينَةِ، فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تَنْهَكِيْ، إِنْ ذَلِكَ أَحَظَى لِلْمَرْأَةِ وَأَحَبَّ إِلَى الْبَعْلِ".

Bermaksud: "Sesungguhnya seorang wanita berkhatan di Madinah. Maka Rasulullah SAW bersabda kepadanya: "Janganlah kamu berlebih-lebihan kerana hal itu akan lebih mendatangkan kenikmatan bagi wanita dan lebih disukai oleh suami."

Riwayat Abu Daud (5271)

Terdapat perbahasan berhubung hadis ini disebabkan ia berstatus *daif* (lemah). Menurut Ibnu Hajar al-'Aqalaniyy, hadis ini mempunyai sekurang-kurangnya dua *syahid* (hadis lain yang

⁴ Al-Nawawiyy, Yahya bin Syarf. t.t. *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab li al-Syiraziyy*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad. jil. 1. m.s. 348.

menguatkannya).⁵ Dalam ilmu ‘Ulum al-Hadith, sekiranya terdapat riwayat lain yang dapat menguatkannya atau menghilangkan kedaifannya maka status hadis *daif* tersebut dinaikkan kepada hadis *Hasan li Ghayrih* dan ia boleh diamalkan serta dijadikan sebagai dalil syarie.⁶

Dalam hal ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-86 yang bersidang pada 21 hingga 23 April 2009 telah membincangkan Hukum Pemotongan Genitalia Wanita (Female Genital Mutilation). Muzakarah telah memutuskan bahawa amalan berkhatan bagi wanita adalah sebahagian daripada syiar Islam yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam.

Walau bagaimanapun, Islam juga amat mementingkan keselamatan umatnya dan memberikan kelonggaran sekiranya sesuatu amalan atau perbuatan itu boleh mendatangkan kemudaratan pada diri. Sehubungan itu, selaras dengan pandangan Jumhur Ulama’, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum berkhatan bagi wanita adalah wajib. Walau bagaimanapun, sekiranya ia boleh membawa kemudaratan pada diri, maka ia perlu dielakkan.⁷

Isu Pemotongan Genitalia Wanita (Female Genital Mutilation) merupakan amalan pemotongan genitilia (organ dan struktur pembiakan) bagi wanita dan diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Islam di dunia dan penganut agama Kristian di sesetengah tempat serta turut melibatkan beberapa puak tertentu di benua Afrika. Menurut WHO, amalan ini melibatkan pembuangan sebahagian atau keseluruhan bahagian genitalia dan/atau menyebabkan kecederaan pada organ genital (alat kelamin) atas faktor adat dan budaya atau sebab-sebab non terapeutik yang lain.⁸

Walau bagaimanapun, terdapat dakwaan yang mengatakan bahawa amalan berkhatan bagi wanita di Malaysia adalah berdasarkan konsep Female Genital Mutilation (FGM) iaitu menyebabkan kesakitan kepada genitilia perempuan dan bukan untuk tujuan perubatan sama ada melalui tusukan, tikaman, turisan, lukaan dan pengkauterian. Oleh itu, kedapatan di kalangan NGO tertentu yang menyuarakan bantahan serta mahu menghapuskan amalan berkhatan bagi wanita kononnya boleh mendatangkan bahaya dan merupakan pelanggaran terhadap hak asasi wanita.⁹

Menurut Mufti Selangor ketika itu, Dato’ Setia Mohd Tamyes bin Abdul Wahid menjelaskan bahawa amalan berkhatan bagi wanita di Malaysia adalah berbeza dengan masyarakat Islam di negara lain kerana ia hanya dengan melalukan mata pisau di bahagian “kelentit” untuk mengurangkan nafsu dan ia jelas berbeza dengan pengamalan seperti di negara luar yang membuang sepenuhnya dan ini boleh memudaratkan serta mendatangkan kesakitan.¹⁰ Oleh itu, nyatalah bahawa konsep FGM ini terbina di atas dasar budaya dan adat resam malah jauh daripada tuntutan agama Islam.

⁵ Al-‘Asqalaniyy, Ahmad bin ‘Aliyy bin Hajar. 2001. *Fath al-Bariyy bi Syarh Sahih al-Imam Abi ‘Abd Allah Muhammad bin Isma’il al-Bukhariyy*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah. Jil. 10. m.s. 353.

⁶ Joll, Muhadir. 2010. *6 Perkara Asas Memahami Khilafiyah*. Petaling Jaya: Mawleed Publishing. m.s. 116.

⁷ _____ . 2015. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. t.t.: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. m.s. 118.

⁸ *Minit Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-86*. 2009. Kuala Lumpur. 21 – 23 April. m.s. 40.

⁹ <https://www.samudera.my/2030-hapus-semua-amalan-khitinan-perempuan-forum-sis/> Diakses pada 16 Ogos 2021.

¹⁰ https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/17/tidak-perlu-haramkan-amalan-khitinan-perempuan-kata-mufti/?fbclid=IwAR0bK4wJN9pc7NjoQFEAgHpnKsFbSav-XQKJdY8DjYuXM8_ChyAMsAlV04 Diakses pada 16 Ogos 2021.

Manakala dari sudut kesihatan, amalan berkhatan mempunyai pelbagai faedah seperti menjaga kebersihan zakar dan faraj dari sebarang kekotoran dan najis yang keluar dari saluran berkenaan. Hal ini kerana bahagian kemaluan antara tempat takungan pelbagai jenis kuman dan hal ini dikhuatiri boleh meningkatkan risiko jangkitan.¹¹

Terdapat kajian yang menyatakan bahawa sebanyak 87 daripada 89 kes kanser zakar terdiri dari kalangan lelaki yang tidak berkhatan. Manakala bagi wanita, amalan berkhatan boleh mengurangkan risiko dari menghidap barah pangkal rahim.¹² Selain itu, amalan berkhatan boleh mengelakkan dari jangkitan penyakit seksual seperti:¹³

1. Human papillomavirus (HPV)
2. Herpes pada kemaluan
3. Trikomoniasis (jangkitan yang disebabkan oleh parasit *Trichomonas vaginalis*)
4. Jangkitan *Mycoplasma*
5. Sifilis
6. Chancroid
7. HIV

Walau bagaimanapun, tuntutan berkhatan ini tergugur apabila terdapatnya faktor-faktor seperti yang berikut:¹⁴

1. Mengalami kecacatan otak yang teruk
2. Bayi yang lahir tanpa klitoris (kelentit)
3. Keadaan fizikal alat kelamin adalah lemah dan dibimbangi berkeadaan sedemikian selepas berkhatan
4. Keadaan kesihatan yang benar-benar menghalang amalan berkhatan terlaksana disebabkan penyakit tertentu seperti haemophilia
5. Khunsa
6. Bayi yang baru dilahirkan namun meninggal dunia sejurus selepas kelahiran tersebut

Kesimpulannya, amalan berkhatan diakui merupakan amalan yang bermanfaat dari perspektif kesihatan di samping penyempurnaan syiar agama Islam. Setiap Muslim dituntut agar mengambil berat akan penjagaan diri dan kebersihan kerana ia bukan sahaja memberi kesan terhadap kelangsungan hidup malah keabsahan sesuatu ibadat. Oleh itu, gaya hidup yang sihat adalah bermula daripada diri sendiri yang seterusnya memberi impak positif terhadap pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

¹¹ _____ . t.t. *Garis Panduan Berkhatan Teknik Dorsal Slit Penolong Pegawai Perubatan*. t.t.: Kementerian Kesihatan Malaysia. m.s. 3.

¹² *Ibid.*

¹³ <https://hellodoktor.com/kesihatan-lelaki/penjagaan-zakar/risiko-kesihatan-tidak-bersunat/> Diakses pada 17 Ogos 2021.

¹⁴ _____ . 2018. *Panduan Amalan Berkhatan Dalam Islam*. t.t.: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. m.s. 11.

RUJUKAN

1. _____ . t.t. *Garis Panduan Berkhatan Teknik Dorsal Slit Penolong Pegawai Perubatan*. t.t.: Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. _____ . 2015. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. t.t.: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
3. _____ . 2018. *Panduan Amalan Berkhatan Dalam Islam*. t.t.: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
4. _____ . 2019. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Al-'Asqalaniyy, Ahmad bin 'Aliyy bin Hajar. 2001. *Fath al-Bariyy bi Syarh Sahih al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhariyy*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah. Jil. 10.
6. Al-Nawawiyy, Yahya bin Syarf. t.t. *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab li al-Syiraziyy*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad. Jil. 1 & 2.
7. Basmeih, 'Abdullah. t.t. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
8. Ibnu Manzur. t.t. *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
9. Joll, Muhamdir. 2010. *6 Perkara Asas Memahami Khilafiyah*. Petaling Jaya: Mawleed Publishing.
10. *Minit Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-86*. 2009. Kuala Lumpur. 21 – 23 April.
11. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/17/tidak-perlu-haramkan-amalan-khatan-perempuan-kata-mufti/>
12. <https://hellodoktor.com/kesihatan-lelaki/penjagaan-zakar/risiko-kesihatan-tidak-bersunat/>
13. <https://www.samudera.my/2030-hapus-semua-amalan-khitin-perempuan-forum-sis/>